



**Kempen Pekerja Work+ FY24
(FY24 Work+ Employee Campaign)
Terma dan Syarat**

Kempen Majikan & Pekerja Work+ FY24 (FY24 Employer & Employee Work+ Campaign) (“Kempen”) adalah sebahagian daripada program Maybank Work+ Solusi. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) (“MBB”) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (“MIB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Maybank”). Kempen ini adalah cadangan nilai bersama yang ditawarkan kepada pekerja yang majikannya adalah pelanggan Maybank.

Kempen ini akan ditadbir oleh Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini. Dengan menyertai kempen ini, Pekerja Layak (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 1 dibawah) dengan ini bersetuju sepenuhnya untuk terikat oleh Terma dan Syarat ini, dan sebarang keputusan yang ditetapkan oleh Maybank berhubung Kempen tersebut adalah muktamad dan terikat.

Tempoh Kempen

Kempen ini bermula pada 27 Februari 2024 dan berakhir pada 27 Februari 2025 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) [“Tempoh Kempen”].

Kelayakan Kempen

1. Kempen ini terbuka kepada pekerja di bawah majikan Work+ (Majikan Work+ adalah majikan yang merupakan pelanggan Maybank di bawah Program Maybank Work+), yang merupakan:
 - a) Pelanggan Maybank Sedia Ada yang mempunyai akaun pengkreditan gaji dengan Bank lain; dan
 - b) Pelanggan Baharu Maybank yang membuka Akaun Penyertaan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2) atas nama tunggal beliau sebagai akaun pengkreditan gaji semasa Tempoh Kempen.

Pekerja Maybank Work+ yang memenuhi syarat yang dinyatakan dalam Klausa 1(a) **ATAU** Klausa 1 (b) akan layak untuk menyertai Kempen tersebut (“Pekerja Layak”).

2. Bagi tujuan Kempen ini, senarai Casa/-i penyertaan (“Akaun Penyertaan”) disenaraikan seperti berikut:

Bil.	Akaun Penyertaan	Bil.	Akaun Penyertaan
I.	Basic Savings Account/-i (Konvensional/Patuh Syariah)	II.	Premier One Account (Konvensional)
III.	Kawanku Savings (Konvensional)	IV.	Premier Mudharabah Account-i (Patuh Syariah) <i>*tidak dilindungi PIDM.</i>
V.	Maybank2u Savers/-i (Konvensional/Patuh Syariah)	VI.	Private Banking Account/-i (Konvensional/Patuh Syariah) <i>* tidak dilindungi PIDM</i>
VII.	Savings Account-i (Patuh Syariah)	VIII.	Zest-i Account (Patuh Syariah) <i>*tidak dilindungi PIDM</i>
IX.	Personal Current Account (Konvensional)		

Nota: Maybank ialah ahli PIDM. Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan yang dipaparkan di www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.



Bagi tujuan mengelakkan keraguan, hanya pemegang akaun individu Akaun Penyertaan sahaja layak menyertai Kempen ini, bukannya pemegang akaun bersama.

3. Individu -individu yang berikut tidak layak menyertai Kempen ini:
 - a. Pekerja tetap dan kontrak Maybank, anak syarikatnya dan syarikat gabungannya;
 - b. Pemegang akaun bersama.

Kaedah Kempen

4. Kaedah
 - a) Untuk mendapatkan penyertaan dan berpeluang untuk memenangi Hadiah (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah) dalam Kempen ini, Pekerja Layak perlu menjadi:
 - i. Pekerja Work+ baharu yang membuka Akaun Penyertaan (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2) atas nama tunggal mereka sebagai akaun pengkreditan gaji sepanjang Tempoh Kempen, **ATAU**;
 - ii. Pelanggan Maybank sedia ada yang mempunyai akaun pengkreditan gaji dengan Bank lain dan menukar kepada Akaun Penyertaan (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2) untuk menerima pengkreditan gaji bulanan sepanjang Tempoh Kempen; **DAN**
 - iii. akaun pembiayaan gaji tersebut adalah akaun pembiayaan gaji Maybank yang aktif dengan Baki Harian Purata (BHP) sebanyak RM1,000 sepanjang Tempoh Kempen.

Baki Purata Harian (BPH):

$$= \frac{\text{Jumlah 1 – bulan Baki Purata Harian di dalam Akaun Penyertaan}}{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}$$

- b) Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah penyertaan yang perlu diperolehi berdasarkan Kriteria Penyertaan: -

Jadual 1:

Kriteria Penyertaan	Bil. Penyertaan (Konvensional)	Bil. Penyertaan (Islamik)
<ul style="list-style-type: none"> • Membuka Akaun Penyertaan bagi tujuan gaji (<i>New-to-Bank</i>)* • Menukar akaun pengkreditan gaji kepada Akaun Maybank sedia ada (<i>Existing-to-Bank</i>)** 	10 Penyertaan	30 Penyertaan
Mengekalkan BPH sebanyak RM1,000 sepanjang Tempoh Kempen	10 Penyertaan	30 Penyertaan
Memohon Kad Kredit baru dalam Tempoh Kempen	10 Penyertaan	30 Penyertaan
Mendaftar bagi sebarang Pelan Insurans Kemalangan Peribadi/Insurans Am/Takaful Am dalam Tempoh Kempen	10 Penyertaan	30 Penyertaan
Memohon Pinjaman/Pembiayaan ASNB Maybank dalam Tempoh Kempen	10 Penyertaan	30 Penyertaan
Membuka Akaun MIGA-i dengan jumlah minimum RM100 sepanjang Tempoh Kempen	-	30 Penyertaan
Jumlah Penyertaan	50 Penyertaan	180 Penyertaan

*New-to-Bank merujuk kepada pelanggan yang membuka akaun Maybank untuk kali pertama.

**Existing-to-Bank merujuk kepada pelanggan yang sudah mempunyai akaun dengan Maybank dan sedang menukar akaun pembiayaan gaji ke akaun Maybank sedia ada.



5. Ganjaran, Hadiah & Pemenang

Butiran	Kelayakan dan Kaedah																										
<p>Kempen Privilege (Gong Xi Aidilfitri Campaign 2024)</p>	<p>Pekerja Layak yang mendaftar akaun Premier Mudharabah Account-i (PMA-i)/Premier 1 Account (PM1) DAN mengekalkan BPH minimum sebanyak RM50,000 untuk berpeluang memenangi hadiah di bawah kempen Privilege yang sedia ada (<i>Gong Xi Aidilfitri Campaign 2024</i>) [“Kempen Privilege”] (dari 1 Januari 2024 hingga 30 April 2024).</p> <p>Kempen ini menawarkan Ganjaran Bonus kepada 200 pelanggan baru Maybank pertama yang menggunakan perkhidmatan Privilege dan melanggan mana-mana produk penyertaan—sebuah Kotak Kesejahteraan bernilai RM80 setiap satu. Oleh sebab tempoh Kempen Privilege berakhir pada 30 April 2024, Pekerja Layak yang mendaftar akaun PMA/PM1 DAN mengekalkan BPH minimum sebanyak RM50,000 akan layak untuk berpeluang memenangi hadiah dalam kempen Privilege yang akan datang.</p>																										
<p>Hadiah Kempen (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2)</p>	<p>Terdapat sejumlah 65 pemenang bagi setiap suku tahunan, dan satu pemenang Hadiah Utama bagi Kempen ini (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2). Setiap pemenang hanya layak menerima hadiah sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.</p> <p>Suku tahunan ditakrifkan seperti berikut: Suku tahunan 1 – 27 Februari 2024 hingga 31 Mei 2024 Suku tahunan 2 – 1 Jun 2024 hingga 31 Ogos 2024 Suku tahunan 3 – 1 September 2024 hingga 30 November 2024 Suku tahunan 4 – 1 Disember 2024 hingga 27 Februari 2025.</p> <p>Jadual 2:</p> <table border="1" data-bbox="587 1317 1509 1697"> <thead> <tr> <th>Kategori Ganjaran</th> <th>Bilangan Pemenang</th> <th>Hadiah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">Suku Tahunan Pertama - 27 Februari 2024 to 31 Mei 2024</td> <td>10</td> <td>Habib 2.5g 999.9 Gold Bar</td> </tr> <tr> <td>55</td> <td>Petronas Voucher (RM100)</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Suku Tahunan Kedua - 1 Jun 2024 to 31 Ogos 2024</td> <td>10</td> <td>Garmin Venu SQ 2</td> </tr> <tr> <td>55</td> <td>Petronas Voucher (RM100)</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Suku Tahunan Ketiga - 1 September 2024 to 30 November 2024</td> <td>10</td> <td>Nintendo Switch OLED</td> </tr> <tr> <td>55</td> <td>Petronas Voucher (RM100)</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Suku Tahunan Keempat - 1 Disember 2024 to 27 Februari 2025</td> <td>10</td> <td>Apple Watch SE GPS 44mm</td> </tr> <tr> <td>55</td> <td>Petronas Voucher (RM100)</td> </tr> <tr> <td>Hadiah Utama</td> <td>1</td> <td>Samsung Galaxy Z Fold5</td> </tr> </tbody> </table> <p>Program Rawak Maybank akan memilih 65 pemenang setiap suku tahunan dan satu pemenang Hadiah Utama dari kalangan Pekerja Layak yang telah memenuhi keperluan di bawah Klausula 4(a) dan memperoleh penyertaan untuk cabutan Pemenang.</p>	Kategori Ganjaran	Bilangan Pemenang	Hadiah	Suku Tahunan Pertama - 27 Februari 2024 to 31 Mei 2024	10	Habib 2.5g 999.9 Gold Bar	55	Petronas Voucher (RM100)	Suku Tahunan Kedua - 1 Jun 2024 to 31 Ogos 2024	10	Garmin Venu SQ 2	55	Petronas Voucher (RM100)	Suku Tahunan Ketiga - 1 September 2024 to 30 November 2024	10	Nintendo Switch OLED	55	Petronas Voucher (RM100)	Suku Tahunan Keempat - 1 Disember 2024 to 27 Februari 2025	10	Apple Watch SE GPS 44mm	55	Petronas Voucher (RM100)	Hadiah Utama	1	Samsung Galaxy Z Fold5
Kategori Ganjaran	Bilangan Pemenang	Hadiah																									
Suku Tahunan Pertama - 27 Februari 2024 to 31 Mei 2024	10	Habib 2.5g 999.9 Gold Bar																									
	55	Petronas Voucher (RM100)																									
Suku Tahunan Kedua - 1 Jun 2024 to 31 Ogos 2024	10	Garmin Venu SQ 2																									
	55	Petronas Voucher (RM100)																									
Suku Tahunan Ketiga - 1 September 2024 to 30 November 2024	10	Nintendo Switch OLED																									
	55	Petronas Voucher (RM100)																									
Suku Tahunan Keempat - 1 Disember 2024 to 27 Februari 2025	10	Apple Watch SE GPS 44mm																									
	55	Petronas Voucher (RM100)																									
Hadiah Utama	1	Samsung Galaxy Z Fold5																									



6. Penghantaran Hadiah

- a) Cabutan untuk Hadiah Cabutan Bertuah bagi setiap suku tahunan akan dijalankan dalam tempoh 30 hari perniagaan selepas tamat suku tahunan yang berkenaan, dengan cabutan Hadiah Utama dalam tempoh 30 hari perniagaan selepas Tempoh Kempen atau mana-mana tempoh lain seperti yang ditentukan oleh Maybank.
- b) Maybank akan menghubungi Pemenang sebelum pengumuman Pemenang di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my. Pemenang bagi setiap suku tahunan akan dihubungi oleh Maybank dalam tempoh 90 hari kalendar dari hari terakhir setiap suku tahunan manakala Pemenang Hadiah Utama akan dihubungi oleh Maybank dalam tempoh 90 hari selepas tamat Tempoh Kempen.

Sekiranya Maybank atau wakil yang dilantiknya tidak dapat menghubungi Pekerja Layak yang disenaraikan melalui nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan Maybank selepas 3 percubaan dan / atau Pekerja Layak yang disenaraikan tidak ingin menerima Hadiah apabila dihubungi oleh Maybank atau wakil yang dilantiknya, Pekerja Layak yang ditapis senarai akan dibatalkan.

- c) Pengumuman Pemenang bagi setiap suku tahunan juga akan diumumkan di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my dalam tempoh 90 hari kalendar selepas hari terakhir bagi setiap suku tahunan masing-masing manakala pengumuman Pemenang Hadiah Utama akan diumumkan di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my dalam tempoh 90 hari kalendar selepas tamat Tempoh Kempen. Pemenang bertanggungjawab untuk menyemak laman sesawang Maybank2u dari semasa ke semasa.
- d) Pekerja Layak mestilah memastikan nombor telefon bimbit berdaftar dengan Maybank dikemaskinikan dari masa ke masa.
- e) Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai atau barangan lain dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- f) Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan sebarang item lain yang memiliki nilai pasaran yang serupa mengikut budi bicara yang munasabah dengan notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemenang yang akan dihubungi melalui laman web Maybank2u dan/atau platform lain yang ditentukan oleh Maybank.
- g) Melalui panggilan telefon pemberitahuan daripada Maybank, pemenang yang disenarai pendek perlu menuntut Hadiah dari cawangan Maybank yang terdekat. Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh panggilan telefon pemberitahuan Pemenang oleh Maybank akan dibatalkan, dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.
- h) Maybank tidak memberi jaminan atau jaminan kepuasan untuk Hadiah tersebut. Sebarang pertikaian berhubung kualiti, kebolehdagangan dan/atau waranti Hadiah Tersebut (mana-mana yang terpakai) mestilah diselesaikan secara langsung oleh Pemenang dengan wakil penjual/pembekal tanpa tindakan terhadap Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran kualiti atau waranti hadiah tersebut atau mana-mana terma dan syarat berhubung dengannya.



Terma dan Syarat Am

- i. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung berhubung apa jua jenis kerosakan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau ralat elektronik atau ralat manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dibuat melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e yang bukan disebabkan oleh Maybank.
- ii. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari masa ke masa dengan memberi sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti hari kalendar) terlebih dahulu mengenainya, di mana notis tersebut akan dipaparkan melalui laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana saluran lain yang Maybank tentukan. Pekerja Layak bertanggungjawab untuk mengambil maklum akan apa-apa notis yang dipaparkan secara sah atau berusaha mendapatkannya.
- iii. Dengan menyertai Kempen ini Pekerja Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my pada kadar biasa untuk melihat terma dan syarat di dalamnya dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana Terma dan Syarat tersebut tidak difahami sepenuhnya.
- iv. Dengan menyertai Kempen ini, Pekerja Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini dan bersetuju dan memberi keizinan untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyataan Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my (“Penyataan Privasi Maybank”) dan Borang APDP untuk Pelanggan Individu.
- v. Sebagai tambahan, dan tanpa prasangka kepada terma dalam Penyataan Privasi Maybank dan Borang APDP untuk Pelanggan Individu, Pekerja Layak bersetuju dan memberi keizinan untuk data peribadi atau maklumatnya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
 - a) tujuan Kempen ini; dan
 - b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media publisiti dan bahan seperti audio dan/atau rakaman visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet. Aktiviti Pemasaran dan promosi termasuk tanpa pengecualian penggunaan dan/atau penerbitan apa-apa butiran yang disediakan dalam dan/atau berhubung dengan kemasukan, bahan temu bual di samping maklum balas dan gambar foto yang berkaitan. Sehubungan ini, Pekerja Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berhubung Kempen ini.

*Nota: “APDP” merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- vi. Maybank dan pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa pengecualian, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggung kepada Pekerja Layak dalam Kempen ini atas apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau turutan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau niat baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau



ketertinggalan melampau oleh Maybank.

- vii. Maybank tidak akan bertanggung atas apa-apa keingkaran akan kewajipannya di bawah Kempen ini yang diakibatkan oleh apa-apa kejadian *force majeure* (hal luar jangka dan tidak dapat dielakkan) yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian bencana alam, kekecohan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa kejadian dan keadaan dalam apa jua bentuk yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- viii. Maybank boleh membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pekerja Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang terkandung di dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan apa-apa tindakan memutar belit dan/atau memperdaya dan/atau menipu berhubung Kempen ini.
- ix. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi talian penting Khidmat Pelanggan Maybank di talian 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pekerja Layak boleh memilih untuk menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman sesawang Maybank2u www.maybank2u.com.my.